

Helo Kampus

Johor

Latih ahli dalam pertolongan cemas, menyelamatkan tempat tinggi, melawan kebakaran

Siswa Siswi Pertahanan Awam UTHM

Oleh RAHIMAH MOHAMED
utusanjohor@utusan.com.my

BATU PAHAT 29 Jun – Kita sering mendengar dan melihat kehebatan anggota Jabatan Pertahanan Awam (JPA) ketika menjalankan tugas seharian mereka yang penuh dengan cabaran dan rintangan.

Kini wujud pula sebuah badan pertahanan awam di peringkat universiti iaitu Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang tidak kurang hebatnya.

Kapten Bersekutu SISPA, Ahmad Khirul Nizam Ali yang juga Penolong Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Pelajar berkata, sejarah SISPA di UTHM bermula pada awal penawaran kursus kokurikulum Pertahanan Awam iaitu pada 2003.

“Pada masa itu, seramai 50 pelajar yang terdiri daripada 25 lelaki dan 25 wanita telah mendaftarkan diri untuk mengikuti kursus tersebut,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Bagaimanapun, menurutnya, keahliannya bertambah apabila pada semester dua sesi 2009/2010, seramai 78 pelajar mendaftar sebagai SISPA I UTHM dan secara tidak langsung menjadi kumpulan pertama menyertai SISPA UTHM.

Katanya, ia adalah ekoran penjenamaan semula kursus iaitu daripada Kursus Pertahanan Awam ditukar ke Kursus Siswa Siswi

Pertahanan Awam (SISPA) oleh Pihak Jabatan Kokurikulum, Pusat Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan universiti itu.

Seterusnya, katanya, satu Bengkel Kokurikulum Siswa Siswi Pertahanan Awam untuk SISPA UTHM telah diadakan pada 23 hingga 25 Oktober 2009.

Menurutnya, tujuan bengkel itu diadakan untuk membincangkan penubuhan SISPA di UTHM.

“Pada 19 Januari 2010 pula, kertas kerja penawaran kursus berkecuali SISPA diluluskan dan justeru pada 3 Februari 2010, ia telah diluluskan oleh Senat Universiti,” katanya.

Beliau berkata, kursus SISPA itu merupakan kursus kokurikulum berkecuali yang ditawarkan dalam enam peringkat iaitu SISPA I, SISPA II, SISPA III, SISPA IV, SISPA V dan SISPA VI.

Katanya, setiap kursus tersebut mewakili 1 kredit yang mana pelajar akan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda sekiranya menamatkan ke enam-enam kursus tersebut.

“Antara modul latihan adalah selaras dengan kehendak JPAM dan universiti iaitu melawan kebakaran, pertolongan cemas dan menyelamatkan tempat tinggi,” jelasnya.

Baru-baru ini, katanya, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang juga Menteri Mentor UTHM telah merasmikan Majlis Pelancaran Penuh SISPA di UTHM, Batu Pahat.



PARA pegawai SISPA bersama Hishammuddin Tun Hussein di UTHM, baru-baru ini.

Pikul amanat sebagai Pegawai Pertahanan Awam

BATU PAHAT 29 Jun – Minat yang mendalam pada pakaian seragam serta kagum dengan kehebatan anggota-anggota Jabatan Pertahanan Awam (JPA), menjadi tarikan warga Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) menyertai Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

Mereka terdiri daripada barisan ‘orang kuat’ UTHM ini membuktikan bahawa naib canselor, pensyarah, pengarah dan dekan seperti mereka juga layak dan mampu memikul amanat dan tanggungjawab sebagai Pegawai Pertahanan Awam.

Semangat juang serta kesungguhan yang ditunjukkan dan dibuktikan itu telah mendatangkan hasil di mana mereka yang ber-



DR. JAILANI MD. YUNOS



KAMARUDIN KHALID



DR. ISHAK BABA



MOHD. FADEL ALWI



NORZA ISKANDAR HELMI

meningkatkan tahap disiplin diri.

Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan pula perkara tidak menjadi,” katanya.

membuatkan kita lupakan tanggungjawab yang sedia ada,” terangnya.

Kapten Bersekutu (PA), Mohd. Fadel Alwi, 30, yang juga Ketua Jabatan Kokurikulum Pusat Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan UTHM memberitahu, SISPA dapat membantu meningkatkan lagi kemahiran insaniah di kalangan pelajar.

“Semoga SISPA UTHM menjadi satu ikon kepada SISPA institusi pengajian tinggi lain pada masa akan datang,” katanya.

Menurutnya, amatlah digalakkan kepada semua siswa dan siswi agar melibatkan diri dalam bidang pertahanan awam di peringkat universiti ini kerana banyak manfaatnya.

Kapten Bersekutu (PA) Norza Iskandar Helmi Abdullah, 38, Timbalan Bendahari

Pikul amanat sebagai Pegawai Pertahanan Awam

BATU PAHAT 29 Jun - Minat yang mendalam pada pakaian seragam serta kagum dengan kehebatan anggota-anggota Jabatan Pertahanan Awam (JPA), menjadi tarikan warga Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) menyertai Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

Mereka terdiri daripada barisan 'orang kuat' UTHM ini membuktikan bahawa naib canselor, pensyarah, pengarah dan dekan seperti mereka juga layak dan mampu memikul amanat dan tanggungjawab sebagai Pegawai Pertahanan Awam.

Semangat juang serta kesungguhan yang ditunjukkan dan dibuktikan itu telah mendatangkan hasil di mana mereka yang berkelayakan dikurniakan segulung Watikah di institusi itu baru-baru ini.

Komandan SISPA UTHM, Lt. Kol. Bersekutu, Prof. Dr. Jailani Md. Yunos, 56, yang juga Penolong Naib Canselor Hubungan Industri Dan Masyarakat (HIM) berkata, penyertaan SISPA amat baik bagi seseorang kerana ia dapat



DR. JAILANI MD. YUNOS



KAMARUDIN KHALID



DR. ISHAK BABA



MOHD. FADEL ALWI



NORZA ISKANDAR HELMI

meningkatkan tahap disiplin diri.

"Saya berharap SISPA UTHM dapat membantu melahirkan ahli profesional dan teknologi yang mahir di peringkat antarabangsa," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Mejar Bersekutu, Prof. Madya Kamarudin Khalid, 55, yang merupakan Pengarah Pusat

Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan pula memberitahu, penglibatan dalam pasukan beruniform seperti itu dapat menimba pengalaman berharga serta membantu mereka yang dalam kesusahan.

"Namun apa yang pasti, minat yang mendalam amat penting untuk menimba ilmu pertahanan awam kerana tanpa minat semua

perkara tidak menjadi," katanya.

Turut berkongsi pandangan, Dekan Pusat Pembangunan Akademik UTHM, Dr. Ishak Baba, 45, selaku Mejar Bersekutu (PA) SISPA, berasa gembira diberi watikah dan berhasrat mahu terus aktif dalam SISPA.

"Tidak rugi kita aktif dalam pasukan keselamatan secara sukarela asalkan ia tidak

membuatkan kita lupakan tanggungjawab yang sedia ada," terangnya.

Kapten Bersekutu (PA), Mohd. Fadel Alwi, 30, yang juga Ketua Jabatan Kokurikulum Pusat Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan UTHM memberitahu, SISPA dapat membantu meningkatkan lagi kemahiran insaniah di kalangan pelajar.

"Semoga SISPA UTHM menjadi satu ikon kepada SISPA institusi pengajian tinggi lain pada masa akan datang," katanya.

Menurutnya, amatlah digalakkan kepada semua siswa dan siswi agar melibatkan diri dalam bidang pertahanan awam di peringkat universiti ini kerana banyak manfaatnya.

Kapten Bersekutu (PA) Norza Iskandar Helmi Abdullah, 38, Timbalan Bendahari Pejabat Bendahari pula berharap agar SISPA UTHM akan menjadi satu badan beruniform yang terbaik di UTHM ini.

"Saya bangga dengan penubuhan SISPA UTHM ini dan berharap ia akan menjadi panduan kepada universiti yang mempunyai SISPA pada masa akan datang," katanya.

6 sukarelawan IBM ikuti program khidmat sosial

JOHOR BAHRU 29 Jun - Seramai enam sukarelawan International Business Machines Corporation (IBM) mengadakan program khidmat sosial korporat di tiga buah institusi terpilih di sini baru-baru ini.

Institusi berkenaan adalah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Pusat Penyelidikan Iskandar Malaysia UTM (IMREC) dan Persatuan Penjagaan Kanak-kanak Terencat Akal Johor (HOME).

Pengarah Sumber Manusia IBM Malaysia, Kenneth Ho berkata, sukarelawan itu terdiri daripada kakitangan IBM dari negara berbeza yang dihantar ke negara-negara membangun seperti di Afrika, Asia dan Eropah Timur untuk mengatasi isu-isu yang mencabar seperti peluang ekonomi global dan akses pendidikan.

Beliau berkata, program itu juga menyediakan pengalaman pembangunan kepimpinan untuk kakitangan IBM di seluruh dunia serta mendedahkan peserta kepada konteks global perniagaan abad ke-21 yang merangkumi kepelbagaian budaya, polisi dan harapan masyarakat.

Menurutnya, sukarelawan kali ini merupakan pasukan keempat ditugaskan ke Malaysia iaitu tiga peserta dari Jerman dan masing-masing seorang dari Amerika Syarikat (AS), China dan Turki.

"Sukarelawan tersebut dibahagikan ke-

pada tiga kumpulan kecil iaitu dua daripadanya dihantar ke UTM, dua lagi ke IMREC dan dua yang lain ke HOME.

"Kesemua kumpulan itu diberikan satu tugas sepanjang sebulan berada di pusat-pusat berkenaan bermula awal Jun lalu," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Pentadbiran UTM Skudai di sini baru-baru ini.

Menurut Kenneth, antara projek yang dilakukan sepanjang berada di negara ini adalah menyediakan kertas kerja dan pengurusan projek latihan bersama IMREC untuk penyelidikan dan pembangunan Wilayah Iskandar.

Projek lain katanya, sukarelawan turut membantu pensyarah UTM membina model 'Carbon Footprint' untuk mengukur tahap pembebasan karbon dan mengukur potensi kesan 'Green Operational Measures' selain menaiki taraf laman web UTM dan Home.

Bagi Pensyarah Fakulti Sumber Asli dan Kimia UTM, Dr. Zainura Zainon Noor, pembabit sukarelawan IBM sama ada bersama UTM ataupun badan kebajikan menunjukkan keprihatinan mereka dalam khidmat sosial.

"Meskipun dua sukarelawan hanya sempat bersama saya dalam projek membina model 'Carbon Footprint' dalam tempoh



SUKARELAWAN IBM dan kakitangan UTM pada majlis penutup program khidmat sosial korporat di UTM, Johor Bahru, baru-baru ini.


sebulan, namun sumbangan idea dan tenaga mereka amat kami hargai.

"Sesungguhnya jalinan kerjasama dan pengalaman ini dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada kedua-dua belah pihak malah kepada semua," katanya.

Sementara itu salah seorang sukarelawan, Pinar Kilavuz dari Turki berkata, pengalaman selama sebulan membantu dalam

projek membina model 'Carbon Footprint' bersama Zainura dianggap sebagai pengalaman yang amat berharga.

Jelasnya, meskipun hanya terlibat dalam bahagian tertentu dalam projek UTM itu, namun beliau amat berpuas hati kerana sedikit sebanyak mendapat menambahkan ilmu pengetahuan terutama dalam bidang sains.



Pasukan KP Vipers puas hati sertai pertandingan menembak

JOHOR BAHRU 29 Jun - Biarpun tidak membawa sebarang gelaran juara, Pasukan KP Vipers yang mewakili Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ) dalam Pertandingan Menembak di Pusat Latihan Tentera Darat, Ulu Tiram baru-baru ini cukup berpuas hati dengan persembahan mereka.

Pertandingan sehari itu merupakan an-

nembak plet dan tin menggunakan senjata Heckler & Koch yang dilengkapi alat kedap bunyi.

"Ini merupakan kali pertama pasukan dari KPYPJ menyertai pertandingan seumpama itu dan pengalaman baru ini sungguh bermakna kepada semua ahli pasukan," katanya.

Nota Pembaca

SETIAP Rabu, *Utusan Malaysia* Edisi Utara menyediakan ruangan **Helo Kampus** untuk menentangkan aktiviti-aktiviti pusat pengajian tinggi awam dan swasta serta kolej-kolej pengajian.

Ruangan ini juga memberi peluang kepada tenaga pengajar dan mahasiswa untuk menulis tentang aktiviti di kampus masing-masing.

Artikel dan gambar boleh dikirim kepada alamat e-mel di bawah.



PEJABAT UTUSAN MALAYSIA

Johor Bahru